



25 JUN, 2025

USIM pasang sistem solar

Utusan Malaysia, Malaysia



USIM pasang sistem solar

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) tmemperkukuh komitmen terhadap agenda kelestarian negara apabila memeterai Perjanjian Pembekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan GSPARX Sdn. Bhd.

Melalui kerjasama ini, USIM bakal melaksanakan pemasangan sistem solar berkapasiti 5.5MWp yang dijangka memberikan penjimatan bil elektrik sehingga RM350,000 untuk tahun pertama.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk

Ts. Dr. Sharifudin Md. Shaarani berkata, projek berkenaan bukan sekadar pelaburan kepada infrastruktur kampus tetapi pelaburan terhadap masa depan lestari negara.

■ **DR. SHARIFUDIN Md. Shaarani** (tiga dari kiri) bersama barisan kepimpinan USIM, TNB dan GSPARX selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Pembekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) di USIM, Nilai, Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.